

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATUK IGNATIUS DORELL LEIKING
[PENAMPANG]**

TARIKH : 18 OGOS 2020 (SELASA)

SOALAN

DATUK IGNATIUS DORELL LEIKING [PENAMPANG] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan kenapakah perkhidmatan jalur lebar internet seperti Streamyx dan Unifi di Daerah Penampang amat tidak memuaskan dan bilakah perkhidmatan tersebut dapat diperluaskan serta dipertingkatkan kepada perkhidmatan internet 4G atau yang lebih baik dengan pembinaan lebih banyak infrastruktur rangkaian selular memandangkan terdapat keperluan mendesak terutamanya kepada para pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi di kawasan pedalaman Penampang untuk mengikuti pembelajaran atas talian semasa sekolah dan institusi pengajian tinggi belum dibuka secara keseluruhan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sentiasa memberi tumpuan kepada pembangunan infrastruktur komunikasi melalui penyediaan liputan jalur lebar talian tetap dan mudah alih dengan menggunakan pelbagai teknologi di seluruh negara terutama di kawasan luar bandar.
2. Untuk perkhidmatan Streamyx, teknologi yang digunakan adalah berasaskan tembaga yang mempunyai kekangan dari segi kualiti dan kelajuan capaian Internet. Oleh yang demikian, bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan jalur lebar talian tetap, pihak SKMM juga sedang giat melaksanakan inisiatif penaiktarafan rangkaian berasaskan tembaga kepada rangkaian gentian optik yang melibatkan sebanyak 1,741 pelanggan di kawasan Penampang. Inisiatif yang dijalankan menerusi Telekom Malaysia Berhad (TM) ini dijangka akan siap secara berperingkat menjelang akhir tahun 2021. Jumlah ini akan diselaraskan dari semasa ke semasa disebabkan oleh faktor peralihan langganan pelanggan.
3. Bagi kawasan pembangunan baharu, TM juga akan menyediakan infrastruktur UniFi secara berperingkat. Pada masa ini perkhidmatan jalur lebar TM boleh didapati di beberapa kawasan di Penampang.
4. Berdasarkan status pelanggan Streamyx semasa, pada masa kini terdapat sebanyak 2,978 pelanggan daripada jumlah keseluruhan kapasiti yang ditawarkan iaitu sebanyak 15,521.
5. Manakala status bagi pelanggan UniFi semasa pula, pada masa kini terdapat sebanyak 9,646 pelanggan daripada jumlah keseluruhan kapasiti yang ditawarkan iaitu sebanyak 19,367.

SOALAN NO : 25

6. Bagi memastikan perkhidmatan jalur lebar TM dapat ditambah baik, usaha-usaha penaiktarafan ibu sawat TM di kawasan Penampang sedang dijalankan secara berperingkat seperti berikut:

- a. Fasa Pertama (Mac 2020 sehingga Februari 2021) yang melibatkan 1,849 pelanggan;
- b. Fasa Kedua (Mac 2021-Februari 2022) yang melibatkan 1,857 pelanggan; dan
- c. Fasa Ketiga (Mac 2022-Disember 2022) yang melibatkan 155 pelanggan.

Jumlah keseluruhan pelanggan yang terlibat dengan penaiktarafan ini adalah sebanyak 3,861.

7. Bagi perkhidmatan jalur lebar mudah alih pula, setakat suku pertama 2020, tahap liputan perkhidmatan 4G di kawasan berpenduduk di daerah Penampang adalah pada tahap 95.8%.

8. Pada masa yang sama, SKMM juga sedang membuat perancangan dengan pihak industri untuk memantapkan kualiti dan liputan perkhidmatan di seluruh negara menggunakan pelbagai teknologi.